

Pameran Fabrik Tenun Tangan Thailand sempena Ulang Tahun ke-84 Kebawah Duli Yang Mulia Raja Permaisuri



Pelawat-pelawat warga Thailand dan antarabangsa dijemput untuk menghargai keindahan fabrik tenunan tangan Thai dari pelbagai bahagian Thailand. Fabric tenunan tangan dipamerkan di sebuah pameran yang dianjurkan oleh Pusat Antarabangsa Seni dan Kraf SUPPORT Thailand, untuk merayakan pusingan ketujuh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Sirikit, atau ulang tahun Ke-84.

Pameran, "Discover Her Majesty's Seven Textile Trails," bermula pada 8 April 2016 hingga penghujung Ogos 2016. Pameran tersebut berlangsung di Terminal 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Don Mueang, Bangkok, dan merupakan sebahagian daripada projek sejajar dengan dasar kerajaan untuk menghubungkan kraftangan Thailand dengan pelancongan.

Pameran ini bertujuan untuk memperkenalkan tujuh laluan utama fabrik tenunan tangan Thailand di empat wilayah di negara ini. Tujuh laluan itu meliputi Timur Laut Atas, Timur Laut Bawah, Utara Atas, Utara Bawah, Selatan Hulu, Selatan Bawah, dan wilayah tengah.

Acara bagi sambutan ulang tahun Ke-84 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri juga dinamakan "The Celebrations on the Auspicious Occasion of Her Majesty the Queen's 7th Cycle Birthday Anniversary 12th August 2016." Yang dijadualkan berlangsung pada 1 Januari - 31 Disember 2016.

Sebagai pengemar fabrik Thailand, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri telah mengenakan fabrik Thailand sejak baginda masih menjadi Ibu Rajawongse Sirikit Kitiyakara. Pada tahun 1960, sepuluh tahun selepas perkahwinan diraja, baginda memutuskan bahawa sudah waktunya untuk mencipta pakaian tradisional Thailand bagi wanita Thailand yang akan dikenali di seluruh dunia. Penyelidikan mengenai pakaian yang dipakai oleh wanita Thailand sepanjang zaman bersejarah diusahakan untuk mewujudkan rekaan pakaian kebangsaan.

Baginda memiliki gaun yang sesuai digunakan pada masa kini, dan baginda memakainya semasa kunjungannya ke negara-negara asing. Baginda juga mereka bentuk pakaian kebangsaan untuk wanita dan lelaki, dengan menekankan penggunaan fabrik buatan tempatan yang menampilkan corak tradisional. Dunia mengenali sutera Thailand dan reka bentuknya melalui banyak ciptaan.

Terima kasih kepada Baginda Permaisuri, pakaian kebangsaan Thailand kini dikenali di peringkat antarabangsa. Malah, pakaian kebangsaan khususnya sesuai bagi sutera tenunan tangan dan juga sutera biasa, brokat atau bercorak, dan sutera tie-dyed.

Pada tahun 1976, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri menubuhkan Yayasan untuk Promosi Pekerjaan Tambahan dan Teknik-Teknik Berkaitan, yang dikenali sebagai SUPPORT. Antara kraf tradisional yang dihasilkan oleh Yayasan SUPPORT adalah sutera Thailand.

Kemudian, pada tahun 2003, Pusat Antarabangsa Seni dan Kraf SUPPORT Thailand ditubuhkan dengan tujuan untuk mempromosikan dan menyokong integrasi kerjaya yang membawa kepada penciptaan seni dan kraf rakyat selaras dengan projek-projek Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Sirikit, dan juga untuk menggalakkan pemasaran mereka di dalam dan di luar negara.